

# Berbakti sambil selami adat

■ 64 penuntut UPM serta aktiviti kemasyarakatan di Kampung Desa Jemapoh

Oleh Amran Yahya  
am@hmetro.com.my

Kuala Pilah

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan kerjasama Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM) melaksanakan Program Kepenggunaan Luar Bandar 1Malaysia Siswa@Kampung.

Program itu bersesuaian dengan saranan menteri kementerian itu, Datuk Seri Hasan Malek yang mahukan pendidikan kepenggunaan disebar luas merentas setiap lapisan masyarakat terutamanya di luar bandar.

Fasilitator Bakti Siswa UPM Mohd Wafi Abd Rahim berkata, program berkenaan pasti dapat melahirkan ramai generasi



**FAKTA**  
Program berlangsung selama tiga hari

Hasan (tengah) bersama mahasiswa dan penduduk Kampung Desa Jemapoh.

muda yang lebih berpersonaliti pengguna. "Sesuai dengan ungkapan 'Mahasiswa merintis jalan, masyarakat didekati dan

disantuni', ia tepat dalam mewujudkan interaksi dan mesra antara masyarakat dan mahasiswa.

"Program itu juga dapat mewujudkan dan mena-

nam nilai kepemimpinan dalam kalangan generasi muda terutama membantu kerajaan dalam mengukuhkan dan membangunkan jalinan integrasi yang lebih

erat," katanya.

Seramai 64 penuntut UPM menyertai Program Bakti Siswa kumpulan 2 dan 8 di Kampung Desa Jemapoh, dekat sini, pada 12

hingga 14 Disember lalu.

Pelbagai aktiviti dilaksanakan sepanjang tiga hari di kampung berkenaan termasuk gotong-royong, mengecat landskap, sukaneka kampung, memasak lemak dan ceramah pihak KPDKKK.

Peserta, Hafidzatun Najihah Mamat, 19, dari Selangor berkata, program itu banyak memberi manfaat kepada mereka terutama berkaitan adat istiadat masyarakat Negeri Sembilan.

"Selain peranan kami dalam menyampaikan maklumat berhubung KPDKKK, kami juga dapat mendalami adat dan warisan masyarakat di sini.

"Paling ketara adalah dari segi masakan yang dimasak ibu angkat saya, Norizan Saaban, 50, adalah pedas, tetapi enak dan menyelerakan. Paling seronok kami dapat mengeratkan hubungan antara mahasiswa dan masyarakat luar bandar," katanya.